

lelaki keluar (dari masjid).⁵²⁰ Dia lalu dekat satu kumpulan orang-orang Anshar yang sedang bersembahyang 'ashar (di masjid Bani Haritsah). Mereka sedang menghadap ke arah Baitul

⁵²⁰ Berdasarkan riwayat Thabarani, Ibnu Mandah dan Abu Nu'aim, lelaki berkenaan ialah 'Abbaad bin Bisyr atau bin Nahik. Beliau ialah salah seorang sahabat Anshari yang utama. Selain telah ikut serta dalam peperangan Badar, beliau juga telah ikut serta dalam peperangan Yamamah yang berlaku di zaman pemerintahan Abu Bakar r.a. Dalam peperangan inilah beliau telah mendapat darjah kesyahidan. Di dalam hadits di atas tersebut bahawa: "Setelah selesai bersembahyang bersama Nabi s.a.w, ada seorang lelaki keluar." Sebenarnya hadits ini tidak jelas menyebutkan sembahyang apa yang dikerjakan lelaki itu bersama Rasulullah s.a.w. dan di masjid mana sembahyang itu dikerjakan? Bilakah pula perintah supaya menghadap ke arah qiblat baharu diberikan kepada Rasulullah s.a.w, adakah sebelum bersembahyang atau ketika sedang bersembahyang? Dalam merungkai persoalan-persoalan ini para 'ulama' terbahagi kepada tiga golongan. **Pertama:** Sembahyang yang dikerjakan lelaki itu bersama Rasulullah s.a.w. ialah sembahyang Zuhur dan tempatnya ialah di masjid Nabi s.a.w. Alasannya ialah sudah menjadi kebiasaan Rasulullah s.a.w. bersembahyang fardhu dengan berjama'ah di masjid Baginda sendiri. Selepas selesai bersembahyang, lelaki tersebut pergi ke masjid Bani Haritsah di mana satu kumpulan orang-orang Anshar sedang bersembahyang 'Ashar di situ. Daripada zahir kisah ini dapatlah disimpulkan bahawa sembahyang yang dikerjakan lelaki itu bersama Rasulullah s.a.w. ialah Zuhur. Adakah Nabi s.a.w. mendapat perintah menghadap ke arah qiblat baharu sebelum sembahyang Zuhur ini atau ketika sedang mengerjakannya? Jawapan kepada soalan ini tidak ada di dalam hadits di atas. Tetapi kebanyakan 'ulama' daripada golongan pertama ini mengatakan perintah itu diperolehi Baginda s.a.w. ketika sedang bersembahyang Zuhur berkenaan. Salah seorang tokoh dari golongan pertama ini ialah Maulana Rasyid Ahmad Ganggohi. Antara sandaran mereka ialah: (1) Tersebut di dalam Thabaqaat Ibnu Sa'ad, bahawa Nabi s.a.w. diperintahkan supaya menghadap ke arah al-Masjidil Haram setelah Baginda s.a.w. mengerjakan dua raka'at sembahyang Zuhur bersama orang-orang Islam di masjidnya. Maka berpusinglah Rasulullah s.a.w. dengan orang-orang yang bersembahyang bersamanya ke arah al-Masjidil Haram. (2) Al-Bazzaar mengemukakan hadits Anas, bahawa Rasulullah s.a.w. telah berpaling daripada Baitil Maqdis ke arah Ka'bah ketika Baginda s.a.w. sedang bersembahyang Zuhur. (3) Thabaraani juga ada meriwayatkan hadits yang sama mafhumnya dengan hadits sebelum ini daripada Anas melalui saluran riwayat yang lain. Tetapi malang, kerana ketiga-tiga riwayat yang dijadikan dalil tadi sebenarnya adalah dha'if dan tidak layak dijadikan hujjah. Selain itu jika benar peristiwa petukaran qiblat itu berlaku di masjid Nabi s.a.w, maka lebih wajar masjid Baginda s.a.w. sendiri dinamakan Masjid al-Qiblatain! **Kedua:** Rasulullah s.a.w. memang diperintahkan supaya menukar arah qiblat daripada Baitil Maqdis ke arah Ka'bah ketika bersembahyang Zuhur, tetapi tidak di masjidnya sendiri malah di masjid Bani Salimah yang kemudiannya terkenal dengan Masjid al-Qiblatain. Ceritanya ialah setelah Bisyr bin Baraa' bin Ma'rur meninggal dunia, Rasulullah s.a.w. pergi melawati ibunya di perkampungan Bani Salimah. Ibu Bisyr menyiapkan makanan untuk Rasulullah s.a.w. Apabila masuk waktu Zuhur, Rasulullah s.a.w. pun bersembahyang jama'ah bersama para sahabatnya di masjid Bani Salimah. Selepas mengerjakan dua raka'at Zuhur itu, Baginda s.a.w. diperintahkan supaya menghadap ke arah Ka'bah. Maka terus berpusinglah Nabi s.a.w. ke arahnya dengan menghadap mizaab (saluran emas di bumbung Ka'bah). Para sahabat juga turut berpusing bersama Baginda s.a.w. Kerana itulah masjid Bani Salimah dinamakan Masjid al-Qiblatain. Riwayat ini juga lemah dan tidak boleh dijadikan dalil. Ibnu Sa'ad telah mengemukakannya di dalam at-Thabaqaat dengan shighah tamridh dan tanpa sanad. Bagaimanapun Kebanyakan 'ulama' termasuk Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini, Qasthallaani, Ibnu 'Abdil Barr, Syeikh Zakariya dan lain-lain termasuk dalam golongan kedua ini. Hafiz Ibnu Hajar malah mengatakan: "Yang benar ialah sembahyang yang mula-mula sekali dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w. ialah Zuhur di masjid Bani Salimah ketika Bisyr bin Baraa' bin Ma'rur meninggal dunia, dan sembahyang yang mula-mula sekali dikerjakan (dengan lengkap ke arah Ka'bah) oleh Nabi s.a.w. di masjidnya ialah 'Ashar. **Ketiga:** Sembahyang yang dikerjakan lelaki yang tersebut di dalam hadits di atas bersama Rasulullah s.a.w. ialah sembahyang 'Ashar dan tempatnya ialah di masjid Nabi s.a.w. Perintah menukar arah qiblat pula diberikan kepada Nabi s.a.w. bukan ketika Baginda sedang bersembahyang Zuhur atau 'Ashar, tetapi tidak lama sebelum masuk waktu 'Ashar atau selepas masuk waktu 'Ashar. Sembahyang 'Ashar ditunaikan oleh Rasulullah s.a.w. dengan lengkap sebanyak empat raka'at ke arah Ka'bah di masjidnya bersama para sahabat. Selepas selesai bersembahyang bersama Rasulullah s.a.w. 'Abbaad bin Bisyr terus keluar dan pergi ke masjid Bani Haritsah di mana orang-orang di situ sedang bersembahyang 'Ashar. Oleh kerana masjid Bani Haritsah juga terletak di dalam kawasan Madinah dan tidak jauh letaknya dari masjid Nabi s.a.w, maka perjalanan 'Abbaad untuk sampai ke masjid Bani Haritsah tidaklah mengambil masa yang lama. Sama sekali tidak patut disimpulkan bahawa oleh kerana orang-orang di masjid Bani Haritsah sedang bersembahyang 'Ashar ketika 'Abbaad sampai kepada mereka, maka semestinyalah sembahyang yang dikerjakan oleh 'Abbaad bersama Nabi s.a.w. di masjid baginda adalah sembahyang Zuhur! Selain itu riwayat Bukhari daripada Baraa' sendiri di dalam Bab as-Shalat min al-Iman dan Kitab

Maqdis. Orang itu pun berkata (bahawa) dia bersaksi sesungguhnya dia telah bersembahyang bersama Nabi s.a.w. dengan menghadap ke arah Ka'bah. Maka terus berpusinglah mereka itu sehingga benar-benar menghadap ke arah Ka'bah.⁵²¹

٣٨٥ - حَدَّثَنَا مُسْلِمُ بْنُ أَبِرَاهِيمَ قَالَ حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ أَبِي عُبَيْدٍ اللَّهُ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ أَبِي كَثِيرٍ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي عَلَى رَاحِلَتِهِ حَيْثُ تَوَجَّهَتْ فَإِذَا أَرَادَ الْفَرِيضَةَ نَزَلَ فَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ

Khabar al-Wahid terang-terang menyebutkan sembahyang yang dikerjakan 'Abbaad bersama Nabi s.a.w. di masjid nabawi dan sembahyang para sahabat di masjid Bani Haritsah pada hari yang sama adalah 'Ashar, bukan Zuhur. Riwayat Tirmizi daripada Baraa' juga dengan jelas menyebutkan sembahyang di kedua-dua masjid pada hari berkenaan ialah 'Ashar, bukan Zuhur. Antara tokoh penting yang termasuk dalam golongan ketiga ini ialah Jalaluddin as-Suyuthi, Maulana as-Syeikh Muhammad Hasan al-Makki (salah seorang murid utama Maulana Rasyid Ahmad Ganggohi) dan lain-lain. Imam Bukhari mungkin dapat disenaraikan sebagai salah seorang tokoh daripada golongan ketiga, kerana beliau langsung tidak menyebutkan peristiwa di masjid Bani Salimah atau masjid al-qiblatain seperti yang dikemukakan oleh Ibnu Sa'ad. Beliau hanya menyebutkan riwayat Baraa' sebagai asas dalam masalah ini. والله أعلم.

⁵²¹ Hafiz Ibnu Hajar dan lain-lain tokoh hadits dan tafsir mengemukakan hadits Tuwailah binti Aslam untuk menggambarkan kaifiat dan cara mereka berpusing sehingga benar-benar menghadap ke arah Ka'bah. Hadits Tuwailah binti Aslam ini diriwayatkan oleh Ibnu Abi Hatim, Ibnu Mardawaih dan Thabarani, di mana Tuwailah dilaporkan berkata: "Kami bersembahyang Zuhur atau 'Ashar di masjid Bani Haritsah dengan menghadap ke arah masjid liliyaa' (Baitil Maqdis). Setelah bersembahyang dua raka'at, datanglah orang yang menceritakan kepada kami bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah menghadap ke arah al-Bait al-Haram (Ka'bah). Maka berpusing dan pergilah orang-orang perempuan ke tempat orang-orang lelaki. Orang-orang lelaki pula berpusing dan pergi ke tempat orang-orang perempuan. Dua raka'at yang masih berbaki itu kami kerjakan dengan menghadap ke arah al-Bait al-Haram (Ka'bah). Hadits ini sebenarnya sangat dha'if. Di dalam isnadnya ada seorang perawi yang dha'if dan matruk iaitu Ishaq bin Idariis. Imam Bukhari berkata: تركه الناس (dia perawi yang tidak dipakai oleh para 'ulama' hadits). Ibnu Ma'in pula berkata: يضع الحديث (dia perawi yang mereka hadits). Di sana terdapat beberapa lagi hadits daripada Anas, 'Umarah bin Ruwaibah dan lain-lain tentang kaifiat pertukaran arah qiblat dari Baitil Maqdis ke arah Ka'bah ketika sedang bersembahyang, tetapi kesemuanya dha'if. Meskipun hadits Tuwailah ini dan hadits-hadits lain yang menceritakan kaifiat dan cara berpusing Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya ketika bersembahyang ke arah Ka'bah adalah dha'if, namun sudah tentu mafhumnya benar dan mereka memang telah melakukan banyak pergerakan dalam pertukaran arah qiblat itu. Ini kerana Baitil Maqdis terletak di sebelah utara Madinah, Ka'bah pula terletak di sebelah selatannya. Tentu sekali imam akan berjalan dari kedudukan asalnya di sebelah utara ke sebelah selatan. Kalau tidak, dia akan berada di belakang sekalian ma'mumnya. Dalam keadaan itu di mana ada ruang untuk para ma'mum lelaki akan mengambil tempat berada di belakangnya! Begitulah juga dengan para ma'mumnya. Para ma'mum lelaki akan mengambil tempat ma'mum perempuan dan para ma'mum perempuan pula akan mengambil tempat ma'mum lelaki sebelum itu. Semua ini boleh berlaku dengan mudah dan lancar apabila diambil kira ma'lumat yang sedia ada pada para sahabat tentang kemungkinan berlakunya perubahan arah qiblat pada bila-bila masa. Para sahabat memang mengetahui perihai tertantainya Nabi s.a.w. akan wahyu berhubung dengan perubahan arah qiblat itu. Antara pengajaran dan panduan yang dapat disimpulkan daripada hadits ini ialah: (1) Sesuatu hukum agama boleh dimansuhkan dan ditukarkan dengan hukum yang lain. (2) Ia merupakan dalil dan hujah bagi jumhur 'ulama' tentang pemansuhan hukum yang tsabit berdasarkan as-Sunnah dengan al-Qur'an. (3) Di dalamnya juga terdapat dalil tentang kehujahan dan keabsahan khabar wahid (hadits aahaad). (4) Cerita seseorang yang boleh dipercayai jika disokong oleh banyak bukti tentang kebenarannya, boleh membatalkan sesuatu perkara yang telah terbukti berdasarkan dalil yang qath'i dan mu'tamad. (5) Kewajipan bersembahyang dengan menghadap ke arah qiblat iaitu Ka'bah. (6) Ijma' ummah telah berlaku bahawa Qiblat umat Islam selepas Baitil Maqdis ialah Ka'bah. (7) Sembahyang yang dilakukan oleh Nabi s.a.w. dan sahabatnya dengan menghadap ke arah dua qiblat, Baitil Maqdis dan Baitillah (Ka'bah) adalah sah. (8) Seseorang mukallaf tidak terbeban dengan sesuatu hukum baharu (nasikh) sebelum hukum itu sampai kepadanya (/diketahuinya). (9) Pergerakan walaupun banyak di dalam sembahyang dibenarkan jika ia berlaku untuk kemaslahatan sembahyang. (10) Orang yang baru mengetahui kesilapannya dalam menghadap qiblat ketika sedang bersembahyang, boleh berpusing ke arah qiblat yang betul tanpa berhenti bersembahyang dan sembahyangnya tetap dikira sah.

385- Muslim bin Ibrahim meriwayatkan kepada kami, katanya: Hisyam bin Abi 'Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Abi Katsir meriwayatkan kepada kami daripada Muhammad bin 'Abdir Rahman daripada Jabir bin 'Abdullah, katanya: "Nabi s.a.w. bersembahyang di atas (belakang) binatang kenderaannya dengan menghadap ke arah yang ditujui kenderaannya itu. Apabila mahu mengerjakan sembahyang fardhu, barulah baginda s.a.w. turun demi menghadap qiblat."⁵²²

٣٨٦ - حَدَّثَنَا عُثْمَانُ قَالَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ إِبْرَاهِيمَ عَنْ عَلْقَمَةَ قَالَ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لَا أَدْرِي زَادَ أَوْ نَقَصَ فَلَمَّا سَلَّمَ قِيلَ لَهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَحَدَثَ فِي الصَّلَاةِ شَيْءٌ قَالَ وَمَا ذَاكَ قَالُوا صَلَّيْتَ كَذَا وَكَذَا فَتَنَى رَجُلِيهِ وَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ ثُمَّ سَلَّمَ فَلَمَّا أَقْبَلَ عَلَيْنَا بَوَّحَهُ قَالَ إِنَّهُ لَوْ حَدَّثَ فِي الصَّلَاةِ شَيْءٌ لَتَبَأْتُكُمْ بِهِ وَلَكِنْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ أَنَسَى كَمَا تَنْسَوْنَ فَإِذَا نَسِيتُ فَذَكِّرُونِي وَإِذَا شَكَّ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاتِهِ فَلْيَتَحَرَّ الصَّوَابَ فَلْيَتِمَّ عَلَيْهِ ثُمَّ لِيَسَلِّمْ ثُمَّ يَسْجُدْ سَجْدَتَيْنِ

386- 'Utsman meriwayatkan kepada kami, katanya: Jarir meriwayatkan kepada kami daripada Manshur daripada Ibrahim daripada 'Alqamah, katanya: 'Abdullah (bin Mas'ud) menceritakan: "Nabi s.a.w. telah bersembahyang." Ibrahim berkata: "Aku tidak pasti sama ada Nabi s.a.w. telah melebihi sembahyangnya atau mengurangkannya."⁵²³ Apabila baginda memberi salam, dikatakan kepadanya: "Wahai Rasulallah! Adakah telah berlaku sesuatu berhubung dengan sembahyang? Nabi s.a.w. bertanya: Apanya? Mereka (para sahabat) berkata: "Engkau telah bersembahyang sekian sekian raka'at." Maka Nabi s.a.w. pun melipatkan kedua kakinya dengan menghadap ke arah qiblat dan bersujud dua kali kemudian memberi salam. Setelah Nabi s.a.w. menghadap ke arah kami (selepas sembahyang), baginda pun bersabda: "Sekiranya ada berlaku apa-

⁵²² Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Nabi s.a.w. sangat suka bersembahyang. Baginda selalu juga bersembahyang sunat ketika menaiki kenderaan (unta, keledai dan sebagainya). (2) Harus bersembahyang sunat ketika menaiki kenderaan (kuda, kereta dan sebagainya). (3) Tidak mengapa tidak menghadap ke arah qiblat ketika bersembahyang sunat di atas kenderaan. (4) Mengikut jumhur 'ulama' (kebanyakan 'ulama'), tidak disyaratkan menghadap qiblat ketika hendak bertakbiratu al-ihram untuk sembahyang sunat di atas kenderaan. (5) Seseorang yang berkenderaan jika mampu (turun), dikehendaki turun dari kenderaannya apabila hendak bersembahyang fardhu. Sembahyang fardhu mestilah dikerjakan dengan menghadap ke arah qiblat dari awal hingga akhirnya kecuali dalam keadaan dharurat.

⁵²³ Maksudnya ialah Ibrahim an-Nakha'i tidak pasti tentang sebab sujud sahwi Rasulullah s.a.w. Adakah kerana Baginda s.a.w. telah melebihi sembahyangnya atau mengurangkannya. Di dalam riwayat bab selepas ini al-Hakam meriwayatkan daripada Ibrahim menerusi isnad yang sama bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang lima raka'at. Ini bererti Ibrahim yakin ketika meriwayatkan hadits ini kepada al-Hakam bahawa Nabi s.a.w. telah melebihi sembahyangnya bukan mengurangkannya. Tetapi ketika meriwayatkan hadits ini kepada Manshur beliau syak dan tidak pasti. Hammad bin Abi Sulaiman, Thalhah bin Musharraf dan lain-lain menjadi mutabi' kepada al-Hakam dalam meriwayatkannya daripada Ibrahim. Malah di dalam hadits riwayat al-Hakam, tersebut dengan jelas bahawa sembahyang berkenaan ialah Zuhur.

apa berhubung dengan sembahyang, tentu aku ceritakan kepadamu. Tetapi sesungguhnya aku ini manusia sepertimu. Aku boleh terlupa seperti mana kamu boleh terlupa. Maka apabila aku terlupa, ingatkanlah aku. Sekiranya seseorang dari kalangan kamu syak di dalam sembahyangnya, hendaklah dia (cuba) memastikan yang betul, lalu menyempurnakannya berdasarkan yang dipastikan itu. Kemudian memberi salam dan bersujud dua kali.”⁵²⁴

بَابُ مَا جَاءَ فِي الْقِبْلَةِ وَمَنْ لَمْ يَرِ الْإِعَادَةَ عَلَى مَنْ سَهَا فَصَلَّى إِلَى غَيْرِ الْقِبْلَةِ وَقَدْ سَلَّمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي رُكْعَتَيْ الظُّهْرِ وَأَقْبَلَ عَلَى النَّاسِ
يُخْبِرُهُمْ أَنْتُمْ مَا بَقِيَ

5- Bab Tentang Qiblat Dan Orang Yang Berpendapat: "Orang Yang Terlupa Sehingga Bersembahyang Dengan Tidak Menghadap Ke Arah Qiblat, Tidak Perlu Mengulangi Sembahyangnya." Pernah Nabi S.A.W. Memberi Salam Pada Dua Raka'at Zuhur, Lalu Menghadap Ke Arah Orang Ramai (Para Ma'mum). Selepas Itu Baginda S.A.W. Menyempurnakan Sembahyangnya Yang Tertinggal.⁵²⁵

⁵²⁴ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Para nabi a.s. boleh terlupa dalam melakukan sesuatu perkara yang termasuk di bawah tugas mereka sebagai muballigh. Tetapi mereka tidak dibiarkan terus terlupa sehingga terjejas ajaran Allah yang harus disampaikan kepada ummat. Justeru Allah dengan apa cara pun pasti akan mengingatkan nabiNya yang terlupa tentang perkara-perkara seperti itu dalam masa yang hampir. Adapun terlupanya para nabi a.s. dalam perkataan atau ucapan yang termasuk di bawah tugas mereka sebagai muballigh, maka ijma' para 'ulama' tentang tidak mungkin keadaan itu berlaku. (2) Banyak sekali terdapat hikmat dan rahsia di sebalik terlupanya para nabi a.s. dalam perkara-perkara yang harus kepada mereka. Antara yang terpentingnya ialah membuktikan kemanusiaan dan kehambaan mereka, selain menyatakan hukum agama dalam bentuk yang hidup dan realistik. (3) Berhenti bersembahyang dengan anggapan telah menyempurnakannya tidaklah memutuskan sembahyang dan membatalkannya. Seseorang yang mengalami keadaan seperti ini dikehendaki menambah mana yang kurang daripada sembahyangnya lalu bersujud sahwi kerananya. (4) Seseorang harus menyambung sebahagian daripada sembahyangnya yang ditinggalkan kerana terlupa walaupun telah bercakap-cakap. (5) Hadits ini merupakan salah satu dalil bagi mazhab Malik, Syafi'e, Ahmad dan jumhur 'ulama' dari kalangan Salaf dan Khalaf, termasuk Imam Bukhari tentang sahnya sembahyang orang yang menambahkan raka'at sembahyang atau lain-lain perbuatan sembahyangnya dengan terlupa. Jika dia teringat sebelum memberi salam, maka eloklah dia bersujud sahwi. Jika dia teringat tidak lama selepas memberi salam, elok juga dia bersujud sahwi. Tetapi sekiranya dia baru teringat setelah lama memberi salam, maka tidaklah perlu lagi dia bersujud sahwi. Sujud sahwi itu sendiri kepadanya hanyalah suatu yang mustahab, bukan wajib. (6) Pergerakan yang bukan merupakan pergerakan sembahyang walaupun banyak, tidak membatalkan sembahyang jika ia berlaku dengan sebab terlupa. (7) Mengikut hadits ini sujud sahwi dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. sebelum memberi salam. Tetapi di akhirnya Baginda s.a.w. mengarahkan supaya bersujud sahwi selepas memberi salam. Perbezaan dalam perbuatan dan arahan Nabi s.a.w. yang seperti inilah membuatkan para 'ulama' berbeza pendapat dalam masalah sujud sahwi, sama ada ia perlu dilakukan sebelum memberi salam atau selepasnya. (8) Rasulullah s.a.w. berpesan agar diingatkan apabila baginda terlupa. Orang-orang lain tentulah lebih-lebih lagi perlu diingatkan. (9) Orang-orang yang mengalami syak di dalam sembahyang, dianjurkan supaya berusaha memastikan yang betul lalu menyempurnakannya mengikut apa yang dipastikan olehnya. (10) Rasulullah s.a.w. tidak akan berdiam diri jika ada berlaku apa-apa perubahan pada mana-mana hukum agama seperti sembahyang dan lain-lain.

⁵²⁵ Syah Waliyyullah r.a. berpendapat tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan hukum orang yang bersembahyang dengan tidak menghadap qiblat kerana terlupa atau tersalah dalam usahanya menentukan arah qiblat di waktu malam yang gelap gelita misalnya. Bagi beliau sembahyang orang seperti ini adalah sah. Dia tidak perlu mengulangi sembahyang yang telah dikerjakannya setelah teringat atau mengetahui arah qiblat yang sebenarnya, sama

٣٨٧ - حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عَوْنٍ قَالَ حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ عَنْ حُمَيْدٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَافَقْتُ رَبِّي فِي ثَلَاثٍ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ لَوْ اتَّخَذْنَا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى فَتَزَكْتُ (وَاتَّخَذُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى) وَآيَةُ الْحِجَابِ قُلْتُ يَا

ada waktu sembahyang itu masih ada atau telah habis. Dalil beliau dalam masalah ini ialah perbuatan Nabi s.a.w. sendiri yang dikemukakan di dalam tajuk bab di atas, hadits no: 389 di bawah bab ini dan juga hadits no: 386 di bawah tajuk bab sebelum ini. Di dalamnya tersebut bahawa Rasulullah s.a.w. telah menghadap para ma'mum dengan membelakangi qiblat dan bercakap-cakap pula dengan mereka. Setelah mengetahui kesilapannya, Baginda s.a.w. menyambung kembali sembahyang yang belum sempurna dikerjakan lalu bersujud sahwi. Dlm peristiwa yang lain, setelah mengetahui kesilapannya melebihi raka'at, Baginda s.a.w. kembali menghadap qiblat lalu bersujud sahwi. Rasulullah s.a.w. tidak mengulangi semula sembahyang yang dikerjakan dengan tersilap itu. Apa yang dilakukan hanyalah kembali menghadap qiblat dan meneruskan sembahyangnya, kemudian bersujud sahwi. Ini menunjukkan Nabi s.a.w. tetap mengira dirinya masih berada dalam sembahyang walaupun telah membelakangi qiblat dan bercakap-cakap kerana terlupa. Daripada apa yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. itu dapat disimpulkan bahawa sembahyang seseorang tanpa menghadap qiblat dengan terlupa atau tersalah dalam menentukan arah qiblat adalah sah dan tidak perlu diulangi kembali. Para 'ulama' berbeza pendapat dalam masalah ini. Pecahan pendapat mereka adalah seperti berikut: (1) Zuhri, Hasan Bashri, Humaid bin 'Abdir Rahman, Thawus, al-Auzaa'i dan Malik mengatakan, orang yang yakin telah tersalah menghadap qiblat perlu mengulangi sembahyangnya sebelum waktu sesuatu sembahyang yang dikerjakannya habis. Kalau waktunya telah habis, tidak perlu lagi dia mengulanginya. (2) Syafi'e dalam qaul jadidnya berpendapat, orang yang yakin telah tersalah menghadap qiblat perlu mengulangi sembahyangnya secara mutlaq, sama ada waktu sembahyang itu masih ada atau telah habis. (3) Pendapat Sa'id bin Musayyab, Sya'bi, 'Athaa', Hammaad, Ibnu al-Mubaarak, Ishaq, Syafi'e dalam qaul qadimnya, al-Muzani, Abu Hanifah, ats-Tsauri dan 'ulama'-'ulama' Kufah ialah dia tidak perlu mengulangi semula sembahyang yang telah dikerjakannya. Inilah juga pendapat Bukhari dan jumhur 'ulama' r.a. (4) Pendapat Ahmad sama juga dengan pendapat golongan ketiga tetapi beliau mensyaratkan sembahyang yang dikerjakan itu mestilah semasa seseorang bermusafir (dalam perjalanan). (5) Sesetengah 'ulama' Hanafiyah berpendapat, perbuatan Nabi s.a.w. yang tersebut di dalam hadits itu tidak boleh dijadikan dalil dan hujjah kerana ia sudah dimansuhkan. Kata mereka memanglah diperingkat permulaannya, bercakap semasa bersembahyang tidak dilarang dan dima'afkan tetapi kemudiannya ia dimansukh. Maka termansukhlah juga bersama-samanya hukum tidak terbatal sembahyang kerana tidak menghadap qiblat kerana terlupa atau tersalah. Bagi mereka keadaan lupa dan ingat sama saja daripada segi hukumnya dalam perkara-perkara yang merupakan fardhu sembahyang atau perkara-perkara yang membatalkan sembahyang. Tajuk di atas mengikut kebanyakan 'ulama' mengandungi dua bahagian atau juzu' sahaja. Tetapi sebenarnya boleh juga ia dibahagikan kepada tiga juzu' seperti berikut: **Pertama:** Bab Tentang Qiblat. **Kedua:** Dan Orang Yang Berpendapat: "Orang Yang Terlupa Sehingga Bersembahyang Dengan Tidak Menghadap Ke Arah Qiblat, Tidak Perlu Mengulangi Sembahyangnya." **Ketiga:** Pernah Nabi S.A.W. Memberi Salam Pada Dua Raka'at Zuhur, Lalu Menghadap Ke Arah Orang Ramai (Para Ma'mum). Selepas Itu Baginda S.A.W. Menyempurnakan Sembahyangnya yang Tertinggal. Bagi Kirmaani juzu' pertama bererti: **باب مَا جَاءَ فِي الْقِبْلَةِ وَمَا يَتَعَلَّقُ بِهَا** (Bab Tentang Qiblat Dan Apa-Apa Yang Berkaitan Dengannya). Juzu' kedua dan ketiga pula merupakan sebahagian daripada juz' iyyatnya. Maulana Zakariya di dalam Taqrir Bukharinya berkata: **باب مَا جَاءَ فِي الْقِبْلَةِ** yang dikemukakan oleh Bukhari di sini sama seperti tajuk **مسائل شتى** (Pelbagai masalah) di dalam sesetengah kitab. Biasanya **مسائل شتى** (Pelbagai masalah) terletak di akhir sesuatu bab. **وَمِنْ لَمْ يَرِ الْإِعَادَةُ عَلَى مَنْ مَنَّا** pula merupakan juz' iyyatnya. Oleh kerana masalah terlupa di dalam sembahyang adalah penting dan mempunyai banyak perselisihan pendapat tentangnya, maka Bukhari menyebutkannya secara khusus. Jika diperhatikan dengan saksama, anda akan mendapati bab ini adalah yang terakhir daripada bab-bab qiblat. Selepas bab ini bermulalah pula perbincangan tentang masjid. Oleh itu wajar sekali bab ini dikira sebagai tajuk **مسائل شتى** (Pelbagai masalah), memandangkan kandungan hadits-hadits di bawahnya adalah pelbagai. Namun ia tetap berkaitan dengan qiblat. Pada pandangan penulis juzu' pertama bab ini bermaksud menyatakan kepentingan dan kewajiban menghadap qiblat ketika bersembahyang. Juzu' kedua merupakan penjelasan kepada juzu' pertamanya iaitu walaupun menghadap qiblat ketika bersembahyang itu begitu penting dan wajib namun dalam keadaan seseorang terlupa atau tersalah dalam menentukan arah qiblat, sembahyangnya tetap sah. Juzu' ketiga pula merupakan contoh kepada da'waan Bukhari di dalam juzu' kedua dan sekali gus ia juga merupakan dalil kepada da'waannya itu. Juzu' ketiga ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada hadits Zil yadain yang akan dikemukakan oleh Bukhari secara terperinci di dalam bab sembahyang nanti. Da'waan Ibnu Batthaal dan Ibnu at-Tin bahawa hadits ini merupakan sebahagian daripada hadits Ibnu Mas'ud yang lalu iaitu hadits no:389 adalah suatu kekeliruan. Sebabnya ialah tidak tersebut di dalam mana-mana saluran riwayat daripada Ibnu Mas'ud bahawa Rasulullah s.a.w. telah memberi salam setelah mengerjakan dua raka'at sembahyang.

رَسُولُ اللَّهِ لَوْ أَمَرْتَ نِسَاءَكَ أَنْ يَحْتَجِبْنَ فَإِنَّهُ يُكَلِّمُهُنَّ الْبِرَّ وَالْفَاجِرُ فَتَزَلَّتْ آيَةُ الْحِجَابِ وَاجْتَمَعَ نِسَاءُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْغَيْرَةِ عَلَيْهِ فَقُلْتُ لَهُنَّ (عَسَى رَبُّهُ إِنْ طَلَّقَكُنَّ أَنْ يُدْلَهُ أَزْوَاجًا خَيْرًا مِنْكُنَّ) فَتَزَلَّتْ هَذِهِ الْآيَةُ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ وَقَالَ ابْنُ أَبِي مَرْيَمَ أَخْبَرَنَا يَحْيَى بْنُ أَيُّوبَ قَالَ حَدَّثَنِي حُمَيْدٌ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسًا بِهَذَا

387- `Amar bin Aun meriwayatkan kepada kami, katanya: Husyaim meriwayatkan kepada kami daripada Humaid daripada Anas bin Malik, katanya: `Umar r.a mengatakan: "Pendapatku telah bertepatan dengan kehendak Tuhanku dalam tiga perkara.⁵²⁶ Aku pernah berkata: Wahai Rasulullah! Alangkah baiknya kalau kita menjadikan maqam Ibrahim itu sebagai tempat (garis) permulaan utk bersembahyang. Maka turunlah ayat ini: *وَاتَّخِذُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى* Bermaksud: "Jadikanlah maqam Ibrahim itu sebagai tempat (permulaan utk) bersembahyang."⁵²⁷ Berhubung dengan ayat hijab, pernah aku berkata: Wahai Rasulullah s.a.w.! Alangkah baiknya kalau engkau suruh isteri-isterimu itu berhijab, kerana orang baik dan orang jahat semuanya boleh bercakap dengan mereka. Selepas itu turunlah ayat hijab.⁵²⁸ Isteri-isteri Nabi s.a.w. pernah berkumpul kerana

⁵²⁶ Maksudnya ialah beberapa perkara yang telah dikehendaki `Umar (di sini disebutkan tiga daripadanya), diperkenan oleh Allah dengan menurunkan ayat-ayat (hukum dan sebagainya) yang menyokong dan membenarkannya. Ketepatan dan kejituan kehendak `Umar dengan kehendak Allah seperti ini dipanggil "Muafaqaat `Umar". Sesetengah 'ulama' menyenaraikan Muafaqaat `Umar hingga lima belas perkara sahaja. Tetapi Jalaluddin as-Suyuthi di dalam "Qathf Ats-Tsamar Fi Muafaqaat `Umar" menyenaraikannya lebih daripada dua puluh perkara. Tiga perkara yang disebutkan di dalam hadits di atas tidak menafikan perkara-perkara lain selebihnya kerana jumhur 'ulama' mengatakan: (1) "Mafhum 'adad tidak boleh dikira (dipakai) sebagai faktor penentu" (لا اعتبار لمفهوم العدد عند الجمهور). (2) "Mafhum 'adad bukan مفهوم العدد يطرح" (إن مفهوم العدد ليس بحجة). Dan "Mafhum 'adad diketepikan apabila ada nas (yang menyalahinya)" (مع وجود النص). Muafaqaat `Umar menjelaskan lagi maksud sabda Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dan Ibnu `Umar ini: *إن الله جعل الحق على لسان عمر وقلبه* Bermaksud: Sesungguhnya Allah meletakkan kebenaran di atas lidah `Umar dan hatinya. (Hadits hasan ini diriwayatkan oleh Ahmad, Abu ya'la, al-Bazzaar, Ibnu Hibbaan, at-Tirmizi, Abu Daud, Thabaraani, `Abd bin Humaid dan lain-lain).

⁵²⁷ Ayat ini bersama terjemahan selengkapnya adalah seperti berikut:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْكَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمَّا وَاتَّخِذُوا مِنْ مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى وَعَهِدْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَنَّ طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ
Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Kami menjadikan rumah suci (Baitillah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia dan tempat yang aman. Jadikanlah tempat bersembahyang bermula daripada maqam Ibrahim. Kami telah perintahkan kepada (Nabi) Ibrahim dan (Nabi) Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjid Al-Haraam dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang Yang berthawaf, yang beri'tikaf, yang ruku' dan yang sujud". (Al-Baqarah: 125).

⁵²⁸ Ayat hijab ialah ayat berikut ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتَ النَّبِيِّ إِلَّا أَنْ يُؤْذَنَ لَكُمْ إِلَىٰ طَعَامٍ غَيْرَ نَبْظِينَ إِنَّهُ وَلَكِنْ إِذَا دُعِيتُمْ فَادْخُلُوا فَإِذَا طَعِمْتُمْ فَانْصَبُوا وَلَا مُسْتَقْبِلِينَ لِحَدِيثٍ إِنَّ ذَلِكُمْ كَانَ يُؤْذَى النَّبِيَّ فَيَسْتَحْيِي مِنْكُمْ وَاللَّهُ لَا يَسْتَحْيِي مِنَ الْحَقِّ وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَاعًا فَسْأَلُوهُنَّ مِنْ وَرَاءِ حِجَابٍ ذَلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ وَمَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُؤْذُوا رَسُولَ اللَّهِ وَلَا أَنْ تُنْكِحُوا زَوَاجَهُ مِنْ بَعْدِهِ أَبَدًا إِنَّ ذَلِكُمْ كَانَ عِنْدَ اللَّهِ عَظِيمًا

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah-rumah Nabi kecuali bila kamu diizinkan untuk makan dengan tidak menunggu-nunggu waktu masak (makanannya), tetapi jika kamu diundang maka masuklah dan bila kamu selesai makan, bersurailah tanpa asyik memperpanjang percakapan. Sesungguhnya yang demikian itu mengganggu Nabi tetapi dia malu kepadamu (untuk menyuruh kamu bersurai), sedang Allah tidak malu menerangkan kebenaran. Apabila kamu meminta sesuatu (keperluan) kepada mereka (isteri- isteri Nabi), maka mintalah dari belakang